



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Buku Garis Panduan Penulisan Program Akademik telah berjaya diterbitkan. Buku ini merupakan satu lagi usaha Kementerian Pengajian Tinggi untuk memperkukuhkan kualiti pengajian tinggi di bawah Teras 2 Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara iaitu Menambah Baik Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran.

Kementerian Pengajian Tinggi dalam misi untuk membangun dan mewujudkan persekitaran pengajian tinggi yang menggalakkan ke arah menghasilkan pusat ilmu yang unggul dan melahirkan insan yang kompeten, berinovasi dan berakhlak mulia bagi memenuhi keperluan negara dan antarabangsa, sentiasa prihatin terhadap kualiti program pengajian yang ditawarkan di institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini.

Justeru, adalah diharapkan Buku Garis Panduan Pengurusan Pembangunan Akademik ini akan dapat dijadikan panduan dan rujukan oleh semua IPT dalam memperkukuhkan kualiti program pengajian tinggi di IPT masing-masing.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan Buku Garis Panduan Pengurusan Pembangunan Akademik ini. Semoga Buku ini akan dapat membantu usaha Kementerian Pengajian Tinggi dan IPT dalam membangunkan kecemerlangan pengajian tinggi negara di peringkat serantau dan antarabangsa.

Sekian, wassalam.

**DATO' IR. DR. RADIN UMAR BIN RADIN SOHADI**  
**KETUA PENGARAH**  
**JABATAN PENGAJIAN TINGGI**